

Pilih MT lima tahun sekali

Oleh Kadir Dikoh dan Nadzim Ahmad Jamalludin

BH 17 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Isnin — Pemilihan Majlis Tertinggi (MT) Umno mungkin diadakan mengikut penggal Dewan Rakyat, iaitu empat atau lima tahun sekali, bukan lagi tiga tahun seperti sekarang.

Langkah itu bertujuan mengurangkan keghairahan di kalangan ahli parti untuk berebut jawatan yang memungkinkan mereka terdedah kepada politik wang.

Ini adalah antara cadangan terhadap pindaan perlembagaan Umno yang dibincangkan dalam mesyuarat MT hari ini, untuk dibawa ke Perhimpunan Agung Khas Umno, 18 November ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jika cadangan itu diterima oleh perhimpunan agung khas nanti, pemilihan MT diadakan mengikut penggal Dewan Rakyat.

"Ini bermakna kita tidak akan ada dua tiga (pemilihan MT sepanjang penggal), sebaliknya diadakan selepas pilihan raya. Ia tidak terlalu lama, mungkin setahun selepas pilihan raya.

"Dengan itu, kita berharap tidak ada keghairahan untuk merebut jawatan kerana nak menjadi calon dan lain-lain," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama hampir lima jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Mesyuarat MT hari ini membincangkan keseluruhan cadangan pindaan perlembagaan Umno dengan ahli memberi pandangan. Bagaimanapun, tiada sebarang keputusan dibuat.

Jawatankuasa Penyemakan Perlembagaan Umno yang dipengerusikan oleh Naib Presidenya, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum ini menemui semua ba-

“

Ini bermakna kita tidak akan ada dua tiga, sebaliknya diadakan selepas pilihan raya.

”

— Dr Mahathir Mohamad

hagian parti bagi mendapat maklum balas serta cadangan kepada pindaan terbabit.

Dr Mahathir berkata, cadangan itu dan beberapa cadangan lain akan diperhalusi lagi pada mesyuarat MT akan datang untuk dimuktamadkan sebelum dibahas dan diluluskan dalam mesyuarat agung khas bulan depan.

"Kita akan adakan satu lagi mesyuarat MT yang akan membincang pindaan kepada perlembagaan Umno ini bagi memperhalusi semua cadangan.

"Kita perlu memberi notis dua minggu mengikut kehendak perlembagaan. Jadi sebelum sampai tempoh 14 hari itu, kita akan mengadakan mesyuarat MT untuk memuktamadkan pindaan perlembagaan," katanya.

Beliau menjelaskan, cadangan lain termasuk supaya pemilihan MT dibuat di peringkat bahagian, bukan lagi di perhimpunan agung Umno.

"Perkara ini juga sedang dikaji sama ada kemungkinan diadakan pemilihan ini di peringkat bahagian, apa masalahnya, apa yang akan menjadi halangan atau apakah ia berkesan dalam membanteras politik wang.

LIHAT MUKA 2

Generasi muda patut sertai dari awal

DARI MUKA 1

BH

17 OCT 2000

"Malah, ada juga cadangan supaya Umno mengurangkan umur keahlian daripada 16 tahun ke atas, bukan 18 tahun ke atas dan agar sistem kuota penamaan pencalonan untuk bertanding MT dimansuhkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Umno berpendapat mengenai usaha menambah ke-

ahlian daripada kalangan generasi muda amat penting bagi membawa pembaharuan dalam parti.

Katanya, generasi muda sepatutnya menyertai Umno lebih awal supaya mereka memahami perjuangan parti dan mewarisinya nanti. Bagaimanapun, ia tidak bermakna generasi tua sudah hilang kemam-

puan untuk menyumbang kepada Umno.

"Kita mesti ada persiapan untuk pengambilalihan, kepemimpinan dan keahlian dalam Umno. Kita juga nak supaya generasi yang baru ini berkualiti.

"Generasi muda mesti sanggup mencurahkan bakti kepada parti, bukan untuk berebut jawatan kerana

mereka adalah bakal mewarisi Umno dan perlu faham akan perjuangan serta falsafah Umno," katanya.

Mengenai debat terbuka antara pergerakan Pemuda Umno dan Pas, Dr Mahathir berkata pihaknya sudah bersetuju ia diadakan tetapi tarikh belum ditetapkan, manakala moderatornya belum dikenal pasti.